

Penerapan Aspek Bahasa, Budaya dan Pendidikan Terhadap Buku Teks Bahasa Arab Dalam Program j-QAF

Nik Murshidah Nik Din
Normila Noruddin

Abstrak

Program Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (j-QAF) telah mula dilaksanakan di sekolah-sekolah kebangsaan seluruh Malaysia bertujuan memperkasakan Pendidikan Islam di sekolah-sekolah kebangsaan. Dalam merealisasikan objektif program tersebut, penyediaan buku teks bersesuaian merupakan suatu yang perlu dititikberatkan, kerana ia merupakan sumber utama yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbanding bahan-bahan lain. Dalam konteks pembelajaran bahasa, sama ada bahasa ibunda atau bahasa asing, pembelajarannya didorong oleh tujuan yang pelbagai. Tujuan-tujuan tersebut perlu difahami untuk menghasilkan sebuah buku teks yang berkualiti serta memenuhi kriteria-kriterianya yang telah digariskan. Kertas ini bertujuan mengkaji sejauh mana buku teks Bahasa Arab yang digunakan di sekolah-sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia menepati ketiga-tiga aspek penting dalam penyediaan buku teks Bahasa Arab yang berkualiti iaitu bahasa, budaya dan pendidikan, serta mencapai matlamat Program j-QAF yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk tujuan tersebut, pengkaji telah membuat soal selidik terhadap guru-guru yang mengajar Bahasa Arab di 48 buah sekolah-sekolah rendah di sekitar Kota Bharu dengan menyenaraikan ciri-ciri buku teks yang berkualiti sebagaimana yang telah digariskan oleh Toiemah, seorang sarjana dalam bidang pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa buku teks Bahasa Arab yang digunakan pada hari ini memerlukan kepada penambahbaikan terhadap ketiga-tiga aspek tersebut demi memperkasakan Program j-QAF serta mencapai matlamat yang telah digubal.

Kata kunci: j-Qaf, buku teks bahasa arab, spesifikasi buku teks

Abstract

Jawi, Quranic, Arabic and Fardhu Ain (j-Qaf) is a special programme for students in primary schools in Malaysia aimed to enhance Islamic teaching among students. To realize the objectives of this programme, providing compatible textbooks for the use of students is something which should be emphasized. The textbook becomes the main reference in this programme and it should be used throughout the teaching process, rather than using other sources. In the context of learning languages be they native or foreign, the objectives vary. They should be well understood as to produce a textbook of high quality which fulfills all the criteria of a good textbook in the guidelines. The article written is aimed to identify the quality of three aspects of the language, the culture and the education of Arabic textbooks used, apart from reaching the objective of the j-Qaf programme which has been stated by the Ministry of Education. In collecting data, the evaluation tools suggested by Toiemah were distributed among teachers' from 48 various national primary schools in Kota Bharu, Kelantan. This constituted the sample of the study. The study has shown that some improvements still need to be considered by intergrating the three main aspects, as to empower the j-Qaf program while trying to achieve the objectives.

Keywords: j-Qaf, Arabic textbook, specific textbook.

Pengenalan

Buku teks merupakan satu set manual yang digunakan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya dihasilkan oleh gabungan pakar-pakar yang mahir dalam bidang-bidang tertentu. Dalam menghasilkan sesebuah buku teks yang berkualiti, terdapat beberapa perkara utama perlu dititikberatkan. Hal ini juga perlu berlaku dalam penyediaan buku teks untuk program J-Qaf yang sedang dijalankan di Malaysia.

J-QAF ialah singkatan daripada perkataan Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain. Setiap huruf yang digunakan menggambarkan objektif dan matlamat yang hendak dicapai (Zuraidah 2006, 376). Huruf 'j' bertujuan mengikat orang Malaysia dengan tradisi mereka melalui penulisan Bahasa Melayu menggunakan Huruf Arab yang dikenali dengan 'jawi'. Manakala 'Q' tertumpu kepada al-Quran, bertujuan mengimarahkan penggunaan al-Quran dan menjadikannya sebagai pegangan kehidupan. Seterusnya 'A', mementingkan Bahasa Arab kerana ia merupakan perkara asas dalam memahami al-Quran. Huruf 'F' yang menunjukkan pengajaran dan pembelajaran Fardhu Ain merupakan sesuatu yang amat penting dalam membantu umat Islam menjalani ibadah seharian dengan baik.

Terdapat empat objektif yang telah digubal dalam melaksanakan program j-QAF bagi peringkat permulaan, iaitu kemampuan membaca dan menulis jawi, khatam al-Quran sebelum tamat darjah enam, mampu menguasai asas

Bahasa Arab, serta mampu mengetahui hukum-hukum asas Fardhu Ain dan menghayatinya dalam kehidupan.

Model-model pengajaran dan model-model pengukuhan juga telah dibentuk, bertujuan untuk memastikan pelajar-pelajar menguasai Bahasa Arab dengan baik. Tiga penambahan aktiviti pengukuhan juga telah dilancarkan pada tahun 2008 sebagai salah satu usaha meningkat lagi penguasaan pelajar terhadap Bahasa Arab (Arman 2008, 178-187). Penambahan ini menunjukkan fokus yang lebih besar diberikan kepada mata pelajaran Bahasa Arab berbanding mata pelajaran lain dalam program j-QAF sebagai satu usaha memartabatkan Bahasa Arab di Malaysia khususnya dan di dunia amnya.

Dalam merealisasikan harapan ini, perkara asas yang perlu diambil berat adalah penyediaan buku teks. Buku teks memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kebiasaannya, sesebuah buku teks dihasilkan berdasarkan keperluan sesuatu mata pelajaran serta sesuai dengan tuntutan sistem pendidikan. Ia juga bertujuan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran sekaligus menggarap nilai-nilai yang boleh mencapai objektif sesuatu program yang digubal. Dalam melaksanakan program j-QAF di sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia pada hari ini, buku teks Bahasa Arab yang khusus sedang digunakan.

Namun persoalan yang timbul adalah tentang tahap penyediaan bahan bantu mengajar khususnya buku teks Bahasa Arab yang digunakan dalam program j-QAF pada hari ini sama ada berkualiti dan menepati syarat-syarat serta piawaian yang telah ditetapkan agar dapat mencapai objektif program j-QAF yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, ataupun sebaliknya.

Di Malaysia, penggunaan buku teks dalam sistem pendidikan masih merupakan bahan rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di peringkat pra-sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Para sarjana bahasa menyatakan bahawa pembelajaran sesuatu bahasa itu berlaku disebabkan oleh pelbagai tujuan dan objektif yang berbeza-beza. Tujuan dan objektif bergantung kepada keperluan sesuatu bahasa itu dipelajari (Nuttal 1985).

Menurut Toiemah (1985), bagi mencapai objektif sesuatu pembelajaran khususnya pembelajaran bahasa, penyediaan buku teks serta bahan sokongan mesti bersesuaian dan menepati tujuan dan objektif yang digariskan supaya matlamat sesuatu program dapat direalisasikan dengan tepat. Pendapat ini disokong oleh Marohaini (1999) dan Williams et. al. (2002). Klare (1969), menyatakan bahawa bahan-bahan pembelajaran yang digunakan perlu bersesuaian dan menepati keperluan pembelajarannya agar dapat menarik minat serta memotivasikan pelajar untuk menggunakannya, dan bukan sekadar menjadi bahan rujukan yang hanya digunakan di bilik darjah.

Oleh yang demikian, fokus kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang aras kualiti buku teks Bahasa Arab yang digunakan di sekolah-sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran j-QAF, khususnya untuk pelajar-pelajar tahun satu sesi 2008 sehingga sekarang, serta memastikan sama ada ianya menepati ketiga-tiga aspek penting dalam penyediaan buku teks Bahasa Arab berkualiti iaitu aspek bahasa, aspek budaya dan juga aspek pendidikan, dan seterusnya dapat mencapai matlamat

yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui penubuhan program j-QAF tersebut.

Satu soal selidik tentang ciri-ciri buku teks Bahasa Arab yang berkualiti sebagaimana yang dinyatakan oleh Toiemah (1985) telah diedarkan kepada 48 orang guru yang mengajar Bahasa Arab j-Qaf di 48 buah sekolah kebangsaan sekitar jajahan Kota Bharu, Kelantan. Soal selidik tersebut merangkumi aras persembahan buku secara umum, aras aspek bahasa, aras aspek budaya dan aras aspek pendidikan.

Penyediaan Buku Teks

Dalam menghasilkan sesebuah buku teks yang berkualiti, terdapat beberapa perkara utama perlu dititikberatkan. Menurut Klare (1969) buku teks yang digunakan perlu sesuai dengan kebolehan membaca dan pengetahuan lepas pelajar. Tambahnya, persembahan kandungan juga mesti menarik minat dan motivasi pelajar, serta dapat dibaca dengan senang dan mudah daripada aspek isi dan penyusunan fizikal.

Dalam hal ini, Toiemah (1985) menyatakan dengan jelas bahawa untuk meletakkan sesebuah silibus dalam buku teks, maklumat mengenai pelajar dari segi umur, keperluan mereka, latar belakang pendidikan dan kecenderungan mereka secara umum perlu diambil kira. Pengetahuan tentang perkara tersebut dapat membantu proses penyediaan buku teks yang berkualiti. Beberapa lagi sarjana menambah bahawa penyediaan buku teks serta bahan sokongan mesti bersesuaian dan menepati tujuan dan objektif yang digariskan (Marohaini 1999; Williams et. al. 2002). Justeru, penulisan buku teks boleh diklasifikasikan sebagai satu proses yang kompleks. Ia merupakan usaha sekumpulan pakar dalam pelbagai disiplin ilmu bagi menghasilkan satu silibus yang berupaya mencapai matlamat dan objektif program atau sistem pendidikan.

Dalam penyediaan silibus atau buku teks tersebut, ramai sarjana meletakkan beberapa aras utama dalam penyediaannya, antaranya dalam aspek kemasyarakatan, psikologi dan falsafah sebagai asasnya, manakala ada juga yang mengatakan bahawa aras tersebut boleh dikategorikan dalam empat aspek lain iaitu aspek psikologi, aspek budaya, aspek pendidikan dan aspek bahasa (Saupi 2008). Saupi (2008) juga menyusun kembali aras tersebut dan meletakkan aspek bahasa di tempat yang pertama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, dan disusuli dengan aspek budaya, aspek pendidikan dan aspek psikologi berdasarkan kepentingan asas bahasa dalam pengajaran Bahasa Arab dalam persekitaran bukan Arab khususnya di Malaysia.

Jadual 1: Kualiti buku secara umum

No	Item Soalan	Aras	Kekerapan			Jumlah
			Lemah	Sederhana	Baik	
1	Sejauh mana guru merasakan buku ini diuji sebelum diterbitkan?		13	21	14	48
2	Sejauh mana kesesuaian bilangan unit pembelajaran dengan rentetan penulisan yang dicadangkan oleh penulis buku ini?		10	19	19	48
3	Sejauh mana buku ini memenuhi kehendak dan harapan pelajar?		9	27	12	48
	Jumlah		32 (22.2%)	67 (46.5%)	45 (31.2%)	(100%)

Sumber: Nik Murshidah, 2009.

Jadual 1 di atas adalah tentang beberapa perkara asas yang perlu diambil kira sebelum penulisan buku teks j-QAF dilakukan. Ia meliputi kajian rintis yang telah dibuat sebelum mengeluarkan buku tersebut, kesesuaian bilangan unit pembelajaran serta tajuk-tajuk yang terdapat dalam buku berkenaan sama ada menepati kehendak pelajar atau sebaliknya.

Majoriti responden menyatakan bahawa kualiti buku teks bahasa arab j-QAF yang digunakan pada hari ini berada pada tahap sederhana pada ketiga-tiga aspek yang dikaji, iaitu sebanyak 46.5 peratus, manakala responden yang menyatakan kualiti buku ini berada pada tahap baik adalah sebanyak 31.2 peratus, berbanding hanya 22.2 peratus sahaja yang menyatakan ianya lemah. Walaupun peratusan responden yang menyatakannya lemah adalah sedikit berbanding peratusan yang berpuas hati, namun ini tidak yang bererti buku tersebut tidak memerlukan penambahbaikan kerana peratusan responden yang menyatakan buku ini berada pada tahap sederhana adalah tinggi. Ini menunjukkan responden masih ragu-ragu dalam mengelaskan buku tersebut pada tahap baik.

Justeru, amat wajar sekiranya satu proses penambahbaikan disegerakan bagi menjamin keberkesanan dan kejayaan proses pembelajaran. Ini kerana secara umumnya, kualiti buku tersebut adalah di tahap sederhana dan hampir memenuhi kriteria yang diperlukan.

Aspek Bahasa

Bahasa mempunyai takrifan yang luas, yang mana ianya merupakan satu simbol suara yang terdapat padanya sistem tertentu yang mempunyai maksud tersendiri bagi satu-satu kaum atau bangsa dalam berkomunikasi dan menyampaikan apa jua maklumat antara satu sama lain (Toiemah 1983, 135). Kebanyakan para sarjana dalam bidang pengajaran bahasa arab sebagai bahasa kedua menjelaskan hal sama yang mana aspek bahasa ialah satu sistem yang mempunyai unsur yang berbeza yang terkandung dalamnya unsur suara (bunyi), suku kata, kosakata, susunan kosakata yang membentuk ayat, dan susunan ayat yang mengikut gaya bahasa yang tersusun rapi demi menyampaikan maklumat antara satu sama lain (Saupi 2007, 66).

Oleh itu, kandungan pembelajaran yang hendak dikemukakan mesti menitikberatkan unsur-unsur bahasa tersebut. Manakala penyusunan pengajarannya mesti berturutan dimulai dengan pengajaran bunyi, suku kata, kosakata, susunan kosakata yang membentuk ayat, dan susunan ayat yang mengikut gaya bahasa yang sesuai. Abdul Hamid (t.th.) menambah bahawa syarat-syarat asas dalam aspek bahasa yang hendak diletakkan mesti menggunakan bahasa rasmi yang digunakan oleh bahasa tujuan. Penekanan juga perlu diberikan terhadap ketepatan bahasa, struktur dan maklumat bahasa tujuan yang hendak dipamerkan. Akhirnya, petikan yang dipilih mesti dalam pelbagai bentuk sama ada petikan bacaan biasa, dialog dan sebagainya di samping bersesuaian dengan peringkat umur serta kecenderungan pelajar, objektif, persekitaran dan kemampuan pelajar. Hal ini penting kerana perbezaan tahap kemampuan pelajar akan mempengaruhi penyusunan kurikulum dan cara pengajaran.

Justeru, secara umumnya, aspek bahasa ialah aspek yang penting dalam pengajaran bahasa yang melibatkan proses pemilihan bahasa bermula daripada bunyi sesuatu huruf, gabungan bunyi huruf yang membentuk sukukata, gabungan sukukata yang membentuk kosakata dan seterusnya sehinggalah satu gaya bahasa dibentuk menjadi ayat yang jelas difahami dalam menyampaikan maklumat. Syarat asas dalam aspek bahasa yang hendak diletakkan mesti menggunakan bahasa rasmi yang digunakan oleh bahasa tujuan serta ketepatan bahasa tersebut.

Jadual 2: Kualiti buku daripada aspek bahasa

No	Item soalan	Aras	Kekerapan			Jumlah
			Lemah	Sederhana	Baik	
1	Penggunaan bahasa lain untuk memperkenalkan perkataan baru.		11	20	17	48
2	Cara buku ini memperkenalkan kaedah tatabahasa.		10	16	22	48
3	Latih pelajar guna perkataan baru serta perkenal maknanya.		4	18	26	48
4	Ketepatan bahasa yang digunakan oleh buku ini.		10	10	28	48
	Jumlah		35 (18.2%)	64 (33.3%)	93 (38.4%)	100%

Sumber: Nik Murshidah, 2009.

Jadual 2 menunjukkan perbezaan pendapat responden dalam melihat kualiti buku tersebut daripada segi bahasa. Majoriti responden berpendapat kualiti bahasa yang digunakan dalam buku berkenaan berada pada tahap baik, yang mana ia melibatkan penggunaan bahasa, kaedah tatabahasa yang diterapkan, latihan penggunaan perkataan baru dan sejauh mana ketepatan bahasa diutamakan.

Sebanyak 35.4 peratus responden berpuas hati dengan cara perkataan baru diperkenalkan iaitu lebih sebahagian daripada jumlah keseluruhan responden. Ini juga dapat dilihat dengan sejumlah 58.3 peratus yang bersetuju dengan ketepatan penggunaan bahasa yang digunakan dalam buku ini. Hal ini disokong pula dengan 45.8 peratus responden yang berpuas hati dengan kaedah tatabahasa yang diperkenalkan iaitu berada pada tahap sederhana dan baik.

Secara keseluruhannya, responden berpendapat bahawa buku ini berada pada tahap baik dan sederhana. Hanya 18.2 peratus yang mengatakan aspek bahasa buku tersebut lemah, iaitu peratusan yang amat kecil berbanding 38.4 peratus yang betul-betul berpuas hati dengan buku tersebut.

Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan responden berpuas hati dengan kualiti bahasa dalam buku teks tersebut. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan sesuai bagi tahap pelajar. Situasi ini juga menunjukkan bahawa penulis buku teks tersebut memberikan perhatian serius dalam memilih dan menentukan kesesuaian serta ketepatan bahasa untuk buku tersebut dan menepati ciri-ciri yang perlu ada dalam proses penyediaan buku teks yang berkualiti.

Aspek Budaya

Bahasa melambangkan budaya sesuatu kaum atau keturunan. Ia juga mempunyai kedudukan yang istimewa dalam kaum atau keturunan tersebut. Penekanan terhadap bahasa dalam sesuatu kaum menunjukkan kesedaran kaum itu terhadap bangsanya (Abdul Ghani 1990, 8). Budaya ialah sulaman pelengkap kepada pengalaman manusia di muka bumi ini meliputi pelbagai aspek seperti bahasa, agama, adat, ikutan (taklid), cara berfikir, dan cara bertindak, dengan kata lain ia juga boleh ditakrifkan sebagai warisan masyarakat' (Fathi 1988, 19).

Manakala aspek budaya yang perlu ada dalam penyediaan buku teks yang berkualiti untuk pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua mesti mengandungi unsur-unsur budaya Arab yang Islamik kerana kedudukannya sebagai Bahasa al-Quran dan bahasa yang penting bagi umat Islam. Ia juga salah satu cara untuk memperkenalkan Syariah Islam, cara bacaan al-Quran, dan Hadith Nabawi (Abu Khudri 1994, 85). Pada masa yang sama, budaya pelajar dan masyarakat sekitar tidak sesekali diabaikan. Justeru, hal ini membantu pelajar menggunakan bahasa tersebut dalam masyarakatnya yang bukan penutur Arab kerana penekanan Bahasa Arab semata-mata akan menjurus kepada ketidakfahaman pelajar terhadap Bahasa Arab dan sukar bagi mereka untuk menggunakannya.

Sebagai tambahan, proses penyediaan buku teks yang terbaik juga perlu dianggotai oleh penutur asal Bahasa Arab, iaitu bahasa yang hendak diajar kerana mereka dapat memberi gambaran yang jelas dan benar tentang budaya masyarakat Islam Arab (Annaqah 1983). Beberapa unsur lain juga perlu diambil kira dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa tujuan. Unsur-unsur tersebut adalah berkaitan dengan tujuan pengajaran atau pendidikan (yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pengajaran Bahasa Arab), mata pelajaran yang perlu pelajar kuasai, aktiviti yang perlu pelajar sertai untuk mata pelajaran yang dimaksudkan, cara pengajaran yang perlu digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran, serta analisis keputusan proses pengajaran bagi mengetahui keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Penyesuaian antara objektif pelajar dengan objektif pengajaran dan penyebaran bahasa tersebut juga perlu jelas, di samping memastikan adanya hubungkait antara budaya bahasa ibunda pelajar dengan budaya bahasa yang dipelajari atau bahasa tujuan. Hassan (t.th., 8) menyatakan unsur-unsur taksud dalam kedua-dua bahasa iaitu bahasa ibunda dan bahasa tujuan perlu dijawab bagi menjamin sensitiviti semua pihak.

Secara umumnya, penekanan harus diberikan dari segi gabungan budaya tempatan dan budaya masyarakat Islam Arab sekiranya mata pelajaran itu dipelajari oleh bukan penutur bahasa tersebut di negara Islam bukan Arab. Hal ini dapat membantu pelajar memahami mata pelajaran dengan lebih mudah dan lebih berkesan.

Jadual 3: Kualiti buku daripada aspek budaya

No	Item soalan	Aras	Kekerapan			Jumlah
			Lemah	Sederhana	Baik	
1	Cara penulis memperkenalkan budaya Islam Arab		21	15	12	48
2	Kebenaran contoh yang dibawa untuk menerangkan tentang budaya Islam Arab		24	10	14	48
3	Budaya Islam Arab cuba dizahirkan		21	14	13	48
4	Penerimaan berbeza pembaca terhadap budaya Islam Arab		22	13	13	48
5	Penerapan nilai-nilai kemurnian Islam dalam buku ini		22	13	13	48
Jumlah			110 (45.9%)	65 (27.1%)	65 (27.1%)	100%

Sumber: Nik Murshidah, 2009.

Jadual 3 menunjukkan aras kualiti bagi aspek budaya yang hendak diterapkan kepada para pelajar. Ia berkisar tentang budaya Arab Islam yang perlu diterapkan dalam penulisan buku teks tersebut. Majoriti responden berpendapat kualiti budaya dalam buku teks Bahasa Arab yang digunakan untuk proses pengajaran j-QAF berada pada tahap lemah iaitu sebanyak 45.9 peratus berbanding hanya 27.1 peratus menyatakan ianya baik. Rata-rata responden menyatakan rasa dukacita mereka terhadap cara penulis buku teks menzahirkan budaya Islam Arab dengan mendatangkan contoh yang kurang tepat, seperti penggunaan nama dan lagu atau nyanyian yang tidak berunsurkan budaya Arab yang sebenar.

Terdapat juga responden yang menyatakan unsur penggabungan antara dua budaya dalam buku tersebut tidak seimbang. Ini kerana kesemua penulis yang terlibat dalam penyediaan buku teks tersebut adalah dalam kalangan bukan penutur asal Bahasa Arab. Mereka juga mencadangkan penglibatan penutur asal Bahasa Arab dalam penyediaan silibus terutamanya buku teks Bahasa Arab, supaya wujud keseimbangan antara dua budaya yang sepatutnya diberi penekanan. Manakala 45.9 peratus responden kecewa dengan penerapan nilai-nilai kemurnian Islam yang kurang diaplikasikan dalam buku ini. Walaupun peratusan ini masih kurang daripada 50 peratus, akan tetapi hanya 27 peratus responden yang berpuas hati manakala 27 peratus lagi meletakkannya pada tahap sederhana. Justeru itu, ini menunjukkan aspek budaya dalam buku teks tersebut berada pada tahap lemah dan amat perlu kepada penambahbaikan agar seimbang

dan selari dengan kriteria penyediaan buku teks yang berkualiti, sekaligus dapat mencapai objektif yang digariskan.

Aspek Pendidikan

Aspek ini mengandungi kaitan secara langsung dengan aspek pemilihan bahasa untuk setiap tahap pelajar. Penyusunan yang bersistem dan berperingkat mengikut tahap pelajar perlu dititikberatkan bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, penekanan terhadap objektif pengajaran Bahasa Arab di Malaysia selari dengan Falsafah Pendidikan Islam yang telah digubal, iaitu 'suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi mewujudkan insan yang berilmu dan berkemahiran dan beriltizam dengan pendidikan Islam yang berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah dalam melahirkan individu yang bersifat sebagai hamba Allah yang bertanggungjawab dalam membentuk peribadi, masyarakat dan negaranya yang sentiasa hidup dalam kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat' (Kementerian Pelajaran Malaysia t.th., vii).

Lima prinsip penting perlu diutamakan dalam aspek pendidikan iaitu melibatkan prinsip penyusunan, prinsip kebolehbacaan, prinsip perkaitan antara pengetahuan lepas pelajar dan tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa, prinsip penerimaan pelajar dan kebolehajarannya, serta prinsip ketepatan dan kekinian maklumat mengenai bahasa tujuan (an-Naqah 1983). Kesemua prinsip ini amat berkaitan dengan aspek psikologi. Aspek psikologi memainkan peranan yang besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penyesuaian antara pengalaman belajar yang lepas dan pengalaman baru akan membantu pelajar membuat persediaan psikologi dalam penerimaan pembelajaran agar lebih berkesan. Ketepatan aras psikologi yang digunakan ini juga dapat membantu keberkesanan pembelajaran mereka.

Ketepatan pemilihan ini dilihat dari segi perbezaan untuk setiap peringkat umur pelajar (kanak-kanak, remaja dan dewasa), penelitian terhadap tujuan dan kecenderungan pelajar untuk mata pelajaran tersebut, tahap kemahiran khusus yang sesuai dengan peringkat umur, pemberian peluang untuk pelajar menggunakan bahasa yang dipelajari dalam situasi sebenar, dan silibus yang diperkenalkan betul-betul memenuhi keperluan pelajar. Berdasarkan penelitian yang dibuat, aspek pendidikan dan aspek psikologi boleh diklasifikasikan bersama sebagai aspek pendidikan memandangkan terdapat kesamaan daripada hampir sebahagian besar sudut.

Mohamad Soleh (1979) meletakkan beberapa syarat dan kriteria yang wajib ada dalam penyediaan buku teks. Tumpuan diberikan kepada persembahan fizikal buku teks yang melibatkan kepelbagaian pilihan tajuk, pendekatan serta idea yang baik dan penyampaian makna yang sesuai dan berkaitan dengan kehidupan pelajar. Selain itu juga, ia mesti dapat menyuburkan minat pelajar dan mendorong pelajar menggunakannya. Silibus tersebut mesti mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan subjek-subjek lain yang dipelajari sehingga mereka merasakan ada hubungkait antara ilmu-ilmu yang diajar. Contohnya untuk program j-QAF, silibus yang ditetapkan untuk Jawi mestilah berkaitan dengan al-Quran, manakala silibus untuk al-Quran berkaitan dengan Bahasa Arab dan seterusnya.

Penyusunan silibus mesti mengikut sistem susunan pendidikan yang betul. Ia mesti sesuai dengan umur, pengalaman bahasa pelajar dan membekalkan mereka dengan idea dan pendapat yang jelas serta sunyi daripada kesulitan sehingga mengganggu fokus pembacaan. Penyusunan juga mesti berperingkat, iaitu daripada senang kepada susah dan daripada sesuatu yang boleh dikesan menggunakan pancaindera yang lima kepada sesuatu yang abstrak yang tidak dapat dikesan olehnya (Sysoyev 2000, 3: 3).

Persembahan fizikal buku teks iaitu dari segi cetakan huruf dan jenis kertas yang digunakan juga mesti sesuai dengan pelajar. Di samping itu, buku teks juga perlu mempunyai pengenalan yang baik dan dapat memberi gambaran menyeluruh tentang kandungan buku teks. Hal ini dapat membantu guru menggunakan dan mengambil faedah daripadanya. Perkara yang sering diambil mudah dalam kalangan penyedia buku teks ialah dari segi indeks atau penyusunan muka surat. Ia amat penting dalam membantu pelajar membuat rujukan. Persembahan buku teks secara keseluruhannya perlu menarik minat pelajar untuk belajar, di samping sesuai dengan peringkat umur mereka.

Ringkasnya, penyediaan buku teks perlu tertumpu kepada tiga persoalan utama iaitu siapa pengguna buku teks tersebut, apa kandungan yang perlu ada, dan apa motif atau objektif penyediaan buku teks tersebut. Persoalan ini perlu ditimbulkan sebelum proses penyediaan buku teks berlaku, dan perlu ada jawapannya yang tepat supaya proses penyediaan ini tidak dilakukan secara rambang dan melulu.

Dalam kertas ini, buku teks yang dimaksudkan adalah buku teks Bahasa Arab tahun satu yang digunakan untuk program j-QAF dan kesesuaiannya dengan pelajar dalam mencapai objektif program j-QAF yang digubal. Beberapa perkara utama yang dinilai untuk menentukan tahap aspek pendidikan dalam buku teks tersebut. Antaranya adalah prinsip berperingkat, iaitu penyusunan tajuk-tajuk dalam buku teks tersebut sama ada bermula daripada tajuk-tajuk yang senang difahami kepada tajuk-tajuk yang agak sukar difahami oleh pelajar, daripada sesuatu yang konkrit kepada sesuatu yang abstrak, ataupun sebaliknya, yang bersesuaian dengan peringkat umur pelajar yang menggunakan buku tersebut. Di samping itu, perbezaan tahap penerimaan pelajar juga harus dititikberatkan dalam penyediaan sesebuah buku teks, kerana walaupun pelajar-pelajar berada di tahap yang sama, tetapi latar belakang yang berbeza memberi kesan kepada pemahaman mereka.

Program j-QAF yang digubal adalah berdasarkan kepada beberapa objektif. Untuk menjamin kejayaan objektif tersebut, penyediaan buku teks perlu dititikberatkan. Ianya mesti selari dengan sistem yang telah digariskan. Dalam buku teks j-QAF ini, penelitian juga dibuat berdasarkan penggunaan perkataan baharu pada unit pertama, sama ada ianya bersesuaian dengan pelajar, ataupun sebaliknya, serta juga meneliti sejauh mana terdapat pengulangan sesuatu kalimah dalam sesuatu unit.

Jadual 4: Kualiti buku daripada aspek pendidikan

No	Item soalan	Aras	Kekerapan			Jumlah
			Lemah	Sederhana	Baik	
1	Konsep berperingkat yang digunakan dalam penghasilan buku teks		10	22	16	48
2	Sistem yang digunakan ini dalam memperkenalkan Bahasa Arab kepada pelajar		16	12	20	48
3	Kesesuaian subjek dengan peringkat umur pelajar		8	22	18	48
4	Perbezaan tahap penerimaan pelajar diambil kira		6	23	19	48
5	Kebergantungan kepada pelajar ditekankan dalam buku ini		7	20	21	48
6	Cara buku ini mengemukakan perkataan baru pada unit pertama		15	17	16	48
7	Pengulangan kalimah yang tidak difahami dalam latihan sebutan		9	22	17	48
	Jumlah		71 (21.2%)	138 (41.1%)	127 (37.8%)	100%

Sumber: Nik Murshidah, 2009.

Jadual 4 menunjukkan aras yang diberikan oleh responden terhadap kualiti aspek pendidikan buku teks Bahasa Arab yang digunakan untuk proses pengajaran j-QAF. Aspek ini meliputi prinsip penyusunan, sistem, kesesuaian subjek dengan umur pelajar, perbezaan tahap penerimaan pelajar, kebergantungan kepada pelajar, prinsip keterkinian maklumat, serta tahap pengulangan kalimah yang sukar difahami.

Dapatan menunjukkan tahap pendidikan buku tersebut berada pada aras sederhana dan baik iaitu sebanyak 78.9 peratus manakala 21.2 peratus responden menyatakan rasa kecewa mereka terhadap aspek ini dengan mencadangkan supaya penelitian yang lebih dibuat dalam aspek penyusunan berperingkat dan sistem pengenalan bahasa yang sesuai bagi kanak-kanak di awal peringkat persekolahan. Hal ini kerana responden merasakan wujudnya penyusunan sebahagian isi kandungan yang tidak bersistematik, disusun daripada maklumat

yang sukar kepada yang senang, dan yang abstrak (maknawi) kepada yang konkrit (hissi) sedangkan konsep asal penyusunan maklumat dalam buku teks mesti sebaliknya.

Di samping itu, terdapat responden yang menyatakan kekecewaan mereka terhadap unsur pendidikan akhlak yang kurang diselitkan dalam buku tersebut. Mereka juga menyatakan bahawa Bahasa Arab seolah-olah satu subjek yang terasing dan tiada sebarang hubungkait sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mata pelajaran Jawi, al-Quran, dan Fardu Ain dalam program j-Qaf.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa walaupun terdapat peratusan tertinggi responden yang berada pada tahap sederhana dengan kualiti buku Bahasa Arab yang digunakan, namun tidak bermakna buku tersebut tidak memerlukan penambahbaikan. Masih terdapat 22.2 peratus yang tidak berpuas hati dengan kualiti buku tersebut secara umumnya. Manakala responden yang menyatakan bahawa kualiti buku tersebut berada pada tahap baik tidak terlalu tinggi, hanya 31.2 peratus. Hal ini jelas menunjukkan tahap buku teks Bahasa Arab yang digunakan untuk program j-QAF pada hari ini memerlukan penilaian semula dan penambahbaikan segera bagi menjamin kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran j-QAF.

Kajian ini juga membuktikan kebanyakan responden tidak begitu berpuas hati dengan aspek pendidikan buku tersebut. Majoriti responden hanya memberikan pandangan yang sederhana, manakala 21.2 peratus yang tidak bersetuju dengan aspek pendidikan buku tersebut. Keadaan ini berlaku kerana mereka yakin aspek pendidikan juga sangat penting dan perlu diberi perhatian serius sepertimana aspek bahasa dan budaya dalam pengajaran bahasa. Kurangnya penekanan terhadap aspek ini boleh menjejaskan pencapaian terhadap objektif yang digarap oleh program j-QAF khususnya dan falsafah pendidikan negara umumnya.

Melalui pemerhatian yang dijalankan, antara perkara lain yang berupaya membantu peningkatan aras kualiti sesebuah buku teks ialah usaha untuk mewujudkan hubungkait antara subjek-subjek dalam sesuatu program yang dirancang, iaitu sebagaimana yang dicadangkan oleh beberapa responden, misalnya dalam program j-QAF sendiri, kaitan yang cuba diwujudkan antara mata pelajaran Bahasa Arab dengan Jawi, al-Quran dengan Bahasa Arab dan sebagainya boleh membantu proses pembelajaran pelajar dan sebagai satu langkah pengukuhan ilmu bagi pelajar.

Justeru itu, dapatan ini dapat memberi input kepada pelbagai pihak berkepentingan dan membuka ruang kepada para pengkaji untuk menjalankan kajian seterusnya terhadap kebolehbacaan buku tersebut di kalangan pelajar ke arah meningkatkan aras kualiti buku yang akan dipersembahkan untuk masa hadapan sekaligus menjadikan objektif Program j-QAF dan falsafah pendidikan Islam sebagai kayu ukur dalam meletakkan sesuatu silibus supaya buku teks yang disediakan tidak lari daripada acuan yang dikehendaki.

Rujukan

- Abdullah, Abdul Rahman, Abdul Jabbar, Mohamad Azidan, Yahya, Rijaluddin, 2008, *Allughatul Arabiyyah lissoffil Awwal (buku teks)*, Kuala Lumpur: DBP.
- Abdullah, Abdul Rahman, Abdul Jabbar, Mohamad Azidan, Yahya, Rijaluddin, 2008, *Allughatul Arabiyyah lissoffil Awwal (buku latihan)*, Kuala Lumpur: DBP.
- Annaqah, Mahmud Kamil wa Toiemah Rushdi Ahmad, 1983, *Al Kitab Al-Asasi lita'lim allughatul Arabiyyah linnatiqin bilughati Ukhra: I'dadihi-tahlilihi- taqwimihi*, Makkah Al-Mukarromah, Jamiah Ummul Qura.
- _____, 2003, *Taraiq Tadris Allughatul Arabiyyah Li Ghairin Natiqin Biha*. Ar-ribat: Mansyurat Al-Munazzomah Al-Islamiyyah Littarbiyah Wal Ulum Watthaqafah- Esesko.
- Arman, Md Russof, 2008, *Halatuju Pengajaran Bahasa Arab Dalam Program j-QAF di Malaysia*. Prosiding seminar pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam: UKM.
- Arif Kurkhi Abu Khudri, 1994, *Taklim al-Lughah Al-Arabiyyah lighairi Al-Arab-dirasat fi Al-Manhaj Wa Turuq At-tadris*, Kaherah: Dar Al-Thaqafah.
- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004, *Buku Panduan Perlaksanaan Model-Model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF (Tahun 1&2)*, Cetakan pertama.
- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006, *Buku Panduan Perlaksanaan Model-Model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun 1*, Cetakan 3.
- Fathi Yusuf Mubarak, 1988, *Al-Uslub At-takamuli Fi Bina' Al- Manhaj, Annazoriyah wa At-tatbiq*, Kaherah: Dar Al-Maarif.
- Klare, G.R., 1969, *The Measurement of Readability*, Ed. Ke-3, Iowa: Iowa State University Press.
- Marohaini Yussof, 1999, *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kkefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abdul Ghani Al-Misri, t.th., *Asalib Tadris Al-lughah Al-Arabiyyah litakhassusi At-Ta'hil At-Tarbawi*. Al-Urdun: Maktabah Ar-Risalah Al-Hadithah.
- Nik Murshidah Nik Din, 2009, *Kitab al-lughah al- arabiyyah lis-soffi al-awwal fil madaris al-ibtidaiyyah Al-wataniyyah bi maliziya*, t.tp.: t.pt.
- Sama', Muhammad Soleh, 1979, *Fannu attadris littarbiyah allughawiiyyah wa intibaieha Almaslakiyyah wa anmatiha al amaliyyah*, Pustaka Anglow: Mesir.
- Saupi Man, 2007, *Asasiyyat Taklim Al-Lughat Al-Ajnabiyyah Wa Taallumiha-*

Taklim Al-Lughatul Al-Arabiyyah Fi Biat Maliziya namuzajan. Maliziya:
Al-jamiah Al-IslamiyyahAl-Alamiyyah Bi Maliziya.

_____, 2008, *Asasiyyat Taklim Al-Lughat Al-Ajnabiyyah Wa Taallumiha-
Taklim Al-Lughatul Al-Arabiyyah Fi Biat Maliziya namuzajan*. Maliziya:
Al-jamiah Al-IslamiyyahAl-Alamiyyah Bi Maliziya.

Toiemah Rushdi Ahmad, 1985, *Dalail A'mal fi I'dadi al mawad a- ta'limiyyah lil
barnamijTa'lim al-Arabiyyah*, Mekah: Jamiah Ummul Qura.

Williams, J. Leung, P. Kent & Heazlewood, 2002, *Measuring readability in accounting: an
Application and evaluation of cloze procedure [Electronic Version]*, Working
Papers no 21/02, Faculty of Commerce Working paper Series. Australia: Charles
Sturt University.

Zailani Muhammad Azhar, 2005, *Perlaksanaan program j-QAF (Jawi, Khatam
Al-Quran, Bahasa Arab dan Pengukuhan Fardhu Ain) Sekolah Rendah*,
Kementerian Pelajaran Malaysia, Siri Panduan Guru (Pentadbiran
Dalam Pembangunan Pendidikan), Kuala Lumpur: PTS Professional
Publishing Sdn. Bhd.

Taib Mohd, 2007, *j-QAF Memantapkan Amalan*, Titian, Keluaran Khas
Kementerian Pelajaran, Utusan Malaysia, Jumaat 5 Oktober 2007.

Pavel V. Sysoyev, 2000, 'Developing an English for specific purposes Course
Using a Learner Centered Approach: A Russian Experience', The
internet TESL Journal, Vol.6, No 3, html>(accessed on 30 April
2008) <http://iteslj.org/techniques/sysoyev-ESP><

<http://www.islamonline.net/arabic/news/2005-07/27/article03.shtml>, 24.3.2008

<http://www.gemaislam.net/jQAF.htm>, 8.4.2008

NIK MURSHIDAH NIK DIN
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA
E-mail: murshidah@unisza.edu.my

NORMILA NORUDDIN
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA
E-mail: normila@unisza.edu.my